



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

DRAF TEKS UCAPAN
YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

SEMPENA
PROGRAM KARNIVAL MOST
SEMPENA PROGRAM #NEGARAKU_KeluargaBahagia_KPWKM

PADA
26 NOVEMBER 2017 (AHAD)
9.30 PAGI

TEMPAT
DEWAN SUARAH, SRI AMAN, SARAWAK

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhana Wata'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di hari yang penuh bermakna ini sempena Program *Karnival MOST 2017*.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Kolaborasi Strategik (BKS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Institut Sosial Malaysia (ISM), dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang menjalinkan perkongsian pintar (*smart partnership*) menganjurkan Program Karnival MOST sempena Program #Negaraku_KeluargaBahagia_KPWKM pada hari ini. Terima kasih juga kepada warga Sri Aman di atas sokongan padu dalam menjayakan program ini.

MANAGEMENT OF SOCIAL TRANSFORMATIONS (MOST)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. *MOST* merujuk kepada *United Nation's Management of Social Transformations Programme* yang merupakan salah satu program transformasi sosial di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
4. Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh YBhg. Dato KSU sebentar tadi, saya telah dipilih sebagai Presiden *Intergovernmental Council of The "Management of Social Transformations" Programme* (MOST) di bawah UNESCO untuk penggal kedua bagi tahun 2017 hingga 2019 semasa Mesyuarat Luar Biasa Sekretariat

Management of Social Transformations (MOST) Programme yang telah diadakan di Paris pada 11 November 2017 yang lalu.

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PRESIDEN MOST

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sebagai Presiden MOST, ini adalah pertama kalinya Malaysia memegang jawatan tertinggi dalam salah satu sub organ UNESCO di mana sebelum ini ia kebiasaannya diterajui oleh negara-negara Barat. Dengan penyertaan Malaysia dalam MOST, maka Malaysia akan lebih dikenali di antara negara-negara anggota.
6. Ini akan memberi ruang kepada para penyelidik di Malaysia bekerjasama dengan penyelidik-penyelidik dari negara anggota. Tambahan daripada itu, Malaysia juga boleh berkongsi amalan-amalan terbaik yang telah dilaksanakan dalam negara kepada semua negara anggota termasuk negara-negara daripada Asia Pasifik.
7. Dengan cara ini, negara-negara anggota boleh melihat kejayaan program-program yang telah dilaksanakan di Malaysia. Ketika penganjuran MOST di Malaysia beberapa mesyuarat bilateral dengan negara-negara anggota telah diadakan melibatkan bukan sahaja pegawai-pegawai kanan Kerajaan termasuk juga penyelidik tempatan untuk bekerjasama di masa hadapan.
8. Sebelum ini, ruang dan peluang seperti ini tidak tersedia untuk para penyelidik tempatan. Kerjasama dalam program MOST ini juga amatlah penting kerana ia boleh membantu Malaysia dan negara-

negara anggota memenuhi objektif *Sustainable Development Goals* (SDG).

ISM SEBAGAI PENYELARAS AKTIVITI *MOST SCHOOL*

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Dalam hubungan ini, Institut Sosial Malaysia (ISM) telah dilantik sebagai penyelaras bagi pelaksanaan beberapa program di bawah *MOST School*. *MOST School* merupakan aktiviti pembangunan kapasiti yang memberi fokus kepada memperkukuhkan kompetensi berasaskan kepada bukti dalam membuat keputusan di kalangan negara ahli. Ia membantu dalam membangun kapasiti penyelidik dan pembuat keputusan untuk menterjemahkan pengetahuan kepada tindakan.
10. Matlamat utama adalah untuk menyokong pembangunan mampan jangka panjang dalam konteks yang mana jurang kapasiti mungkin merupakan halangan utama untuk menterjemahkan kajian kepada tindakan yang diperlukan ke arah mengubah lanskap transformasi sosial. Melalui cara inilah, kita dapat memastikan bahawa sesuatu dasar yang dirangka oleh pihak Kerajaan bukan hanya gah di atas kertas, tetapi juga memberi kesan yang gah kepada rakyat terutamanya dalam bidang sosial.
11. Justeru, itu **program-program yang diatur pada hari ini seperti Seminar *Gender Sensitization*, Seminar Akta Keganasan Rumahtangga dan sesi Dialog TN50 Bersama Sukarelawan dan NGO Wanita merupakan platform-platform *MOST School* yang disediakan oleh pihak Kementerian dalam usaha**

mentransformasikan bidang sosial rakyat Malaysia secara amnya.

PROGRAM PEMERKASAAN KELUARGA DAN KOMUNITI (FACE)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Projek yang sedang berlangsung ketika ini di bawah konteks MOST ialah **kajian bertajuk *Valorizing Evidence on Inclusive Social Development to Achieve the Sustainable Development Goals*** dengan kerjasama UNESCO, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (IKMAS), ISM, LPPKN dan JKM.
13. Manakala bagi dua program Kementerian yang dikenalpasti untuk diselidiki ialah program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) oleh LPPKN dan juga Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
14. **Program FACE merupakan program yang dirangka bertujuan untuk memberi fokus terhadap usaha untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga menerusi projek pembangunan model pengukuhan keluarga dan komuniti dan keluarga.**
15. Projek-projek ini dikenalpasti bersandarkan kepada Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 yang terdiri daripada lapan domain iaitu Domain hubungan kekeluargaan, domain ekonomi keluarga, domain kesihatan keluarga, Domain Keselamatan Keluarga, Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti; Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian; Domain

Perumahan dan Persekitaran; dan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi.

16. Skor keseluruhan **Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 yang dicatatkan adalah 7.33 daripada skala maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana**. Daripada lapan domain yang telah dikenal pasti, domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.04 diikuti dengan domain Keselamatan Keluarga (7.96), domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (7.84), domain Kesihatan Keluarga (7.18), domain Ekonomi Keluarga (7.05), domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.38), dan domain Perumahan dan Persekitaran (6.24).
17. Sarawak mencatatkan skor 7.09 dan berada pada tahap sederhana bersama-sama dengan kelompok 13 negeri-negeri lain kecuali negeri Melaka yang berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan skor sebanyak 8.28. Jika dibandingkan dengan Sabah, Sarawak hanya ketinggalan 0.1 skor.
18. Justeru, saya menyeru kepada masyarakat negeri Sarawak supaya terlibat dengan lebih aktif dalam setiap aktiviti MOST School yang disediakan supaya skor IKK negeri ini dapat dipertingkatkan lagi seterusnya berjaya menempatkan negeri ini di dalam kelompok negeri yang berada pada tahap skor yang tinggi.

PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

19. Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengunjurkan bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara tua (aged nation) pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas akan mencapai 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pada ketika itu, penduduk negara akan mencapai 35.3 juta orang, yang mana 5.3 juta orang merupakan warga emas.
20. Justeru, Malaysia akan menjadi sebuah negara tua menjelang Rancangan Malaysia ke-14. Malaysia perlu bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi fenomena penuaan penduduk di negara ini.
21. Menyedari hakikat ini serta keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, KPWKM mengambil inisiatif untuk mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.
22. **Sebanyak 59 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah ditubuhkan dan telah beroperasi di seluruh negara, dan terdapat 9 buah PAWE di seluruh Sarawak dengan keahlian seramai lebih 16,866 warga emas** dan mengikut rekod sehingga Julai 2017 seramai 32,941 ahli telah berdaftar diseluruh negara.
23. Kewujudan PAWE kini difokuskan kepada komuniti setempat serta turut dibuka kepada semua warga emas dalam masyarakat sekitar bagi memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menjalani

pelbagai aktiviti di dalam PAWE, sekaligus memperkasakan warga emas di bawah *Economic Empowerment Programme* (EEP) bagi memberi peluang kepada mereka melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi seterusnya dapat membantu menjana ekonomi mereka.

PENUTUP

24. Kerajaan komited untuk memastikan setiap individu di negara ini dapat menikmati hasil kesejahteraan negara melalui program-program transformasi sosial dengan matlamat mewujudkan masyarakat yang seimbang, adil dan saksama. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang menjayakan program ini.

Dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program *MOST Carnival* sempena Program #NEGARAKU_KeluargaBahagia_KPWKM pada hari ini.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.